

CERAMAH BERSIRI

✧ OGOS ✧

"Kawalan Vektor"

oleh

Haji Jaafar Bin Haji Jais

Pegawai Kesihatan Kanan

Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar

27 Ogos 2015

✧ SEPTEMBER ✧

"Tuberculosis"

oleh

Dyg Fauzana Binti Hj Osman

Jururawat

Pusat Koordinasi TB Kebangsaan

3 September 2015

✧

"Importance of Healthcare Accreditation"

oleh

Dr Haji Azlan Bin Haji Jaludin

Ketua

Unit Kualiti, Dasar, Penyelidikan dan

Perkembangan

17 September 2015

Semua ceramah akan diadakan pada:

Jam

3.00 petang

Tempat

Pusat CME

Jabatan Perkhidmatan Kesihatan

(Aras 6, Kondominium Ong Sum Ping)

Semua pegawai dan kakitangan JPK di alu-alukan hadir

Peranan Jururawat Kesihatan Sekolah



1. Merancang jadual lawatan ke sekolah-sekolah
2. Menghubungi Pengetua/Guru Besar Sekolah untuk membuat temu- janji sebelum membuat lawatan ke sekolah-sekolah.
3. Menjalankan penilaian kesihatan dan semua aktiviti-aktiviti pemeriksaan (mengikut tahun sasaran):
 - a) Mengukur berat badan dan ketinggian
 - b) Pengurusan berat badan berlebihan dan kurang timbangan bagi pelajar-pelajar yang mempunyai masalah berat badan.
 - c) Ujian penglihatan jauh dan ujian perbezaan warna "Colour Blindness".
 - d) Menolong Pegawai Perubatan dalam pemeriksaan dan pemberian rawatan.
 - e) Membuat ujian pendengaran.
 - f) Memberi suntikan vaksin yang berterusan.
4. Memberi rawatan ringan, penjagaan dan rawatan kecemasan di masa lawatan ke sekolah-sekolah.
5. Membuat kes rujukan kepada Pusat Kesihatan, Klinik-klinik Pakar dan lain-lain yang berkaitan.
6. Membuat tindakan susulan terhadap kes-kes yang memerlukan.
7. Membuat lawatan ke sekolah-sekolah bagi kes-kes penyakit berjangkit. Membuat siasatan 'contact tracing' bagi penyakit berjangkit seperti Penyakit Tangan Kaki dan Mulut.
8. Mengambil bahagian dalam penyelidikan kesihatan.
9. Bekerjasama dengan Pengetua, guru-guru dan kakitangan sekolah dalam mempromosi kesihatan kepada penuntut sekolah.
10. Bekerjasama dengan Unit Pendidikan Khas bagi Pelajar-Pelajar yang mempunyai masalah dengan pembelajaran (SENA).
11. Bekerjasama dengan Unit Psikologi bagi penuntut yang mempunyai masalah psikologi.
12. Memberi khidmat kaunseling kepada pelajar-pelajar yang mempunyai berat badan.
13. Meneliti dan mengemaskini laporan harian dan bulanan bagi Perkhidmatan Kesihatan Sekolah.
14. Memberi vaksinasi *Human Papilloma Virus* (HPV) kepada penuntut perempuan Tahun 7 dan Tahun 11.
15. Membantu Pegawai Perubatan dalam memberikan kaunseling 'one to one therapy' untuk pelajar yang mempunyai masalah berat badan yang berlebihan.



Aktiviti-aktiviti JPK

Pengkalan Batu Health Centre Accreditation Workshop
12 & 13 Ogos 2015

Hubungi Kami

Unit Kualiti, Dasar, Penyelidikan dan Perkembangan
Pejabat Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan
Tel: 2381640 Sambangan
7641/7940/7733
Fax: 2382032
Emel: health.quality@moh.gov.bn

Sidang Editorial

Penasihat

Pg Dr Hj Md Khalifah Pg Hj Ismail (khalifah.ismail@moh.gov.bn)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan

Ketua Editor

Dr Haji Azlan Haji Jaludin (azlan.jaludin@moh.gov.bn)
Ketua Unit Kualiti, Dasar, Penyelidikan dan Perkembangan

Kumpulan Editor

Hajah Dayang Jamilah Hj Awang Sulaiman (jamilah.sulaiman@moh.gov.bn)
Pegawai Jururawat Tingkat Khas

Awang Mohd Rahmat Awang Abdul Hamid (rahmat.hamid@moh.gov.bn)
Pegawai Perangkaan

Hajah Nuriah Hj Shari (nuriah.shari@moh.gov.bn)
Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II

Md Hafiz Hj Ibrahim (hafiz.ibrahim@moh.gov.bn)
Atendan Kesihatan

Sumber

Perkhidmatan Sainifik
Perkhidmatan Kesihatan Masyarakat
Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar



Buletin Jabatan Perkhidmatan Kesihatan - Terbitan Ketujuh

OGOS - SEPTEMBER 2015

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Bahagian Perkhidmatan Kesihatan Sekolah Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan

Sejarah

Bahagian Perkhidmatan Kesihatan Sekolah telah mula memberikan perkhidmatan pada tahun 1974. Pada masa itu, terdapat hanya dua orang jururawat sahaja yang ditugaskan untuk melawat sekolah-sekolah di Daerah Brunei-Muara. Bahagian Perkhidmatan Kesihatan Sekolah kemudiannya telah ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1979 dengan tujuan untuk memberikan perkhidmatan kesihatan sekolah kepada semua penuntut-penuntut sekolah di seluruh negara. Semasa penubuhannya, Bahagian Perkhidmatan Kesihatan Sekolah telah dibahagikan kepada dua unit; satu unit di Daerah Brunei-Muara dan satu lagi di Daerah Belait. Pada waktu itu, jururawat-jururawat dari unit di Daerah Brunei-Muara juga telah ditugaskan untuk memberikan perkhidmatan kesihatan sekolah di sekolah-sekolah di Daerah Tutong dan Temburong.

Pada tahun 1981, sebuah unit telah ditubuhkan di Daerah Tutong bagi memberikan perkhidmatan kesihatan sekolah bagi sekolah-sekolah di daerah tersebut. Manakala di Daerah Temburong pula, perkhidmatan kesihatan sekolah telah dijalankan oleh jururawat-jururawat dari Bahagian Perkhidmatan Kesihatan Ibu-Ibu dan Kanak-Kanak semenjak tahun 2000.

OBJEKTIF BAHAGIAN PERKHIDMATAN KESIHATAN SEKOLAH

Visi

Penuntut mencapai tahap kesihatan yang optima (dari segi fizikal, mental dan sosial)

Misi

Meningkatkan tahap kesihatan dan mengurangkan penyakit di kalangan penuntut, supaya penuntut boleh mencapai tahap potensi pembelajaran yang maksimum

Objektif

- Mengesan tanda-tanda awal masalah kesihatan dan merawat atau merujuk kepada pihak yang berkenaan untuk tindakan lanjut.
- Mempromosikan dan memberi kesedaran mengenai kesihatan.
- Mencegah dan mengawal penyakit-penyakit berjangkit.
- Menghalang, mengesan dan mengendalikan tanda-tanda awal penyakit-penyakit yang tidak berjangkit.

Tugas dan Tanggungjawab

1. Menjalankan pemeriksaan kesihatan kepada penuntut-penuntut sekolah melalui saringan kesihatan yang telah ditetapkan bagi penuntut Tahun 1, 4, 6 dan 7.
2. Merujuk penuntut yang memerlukan pemeriksaan dan rawatan lanjut ke klinik/bahagian yang berkaitan, seperti Klinik Pakar, Klinik Mata dan Pusat Perkembangan Kanak-kanak.
3. Mempromosikan dan memberikan kesedaran mengenai isu kesihatan kepada penuntut melalui ceramah kesihatan.
4. Mengadakan sesi kaunseling bagi penuntut yang mempunyai masalah berat badan yang berlebihan.
5. Memastikan penuntut telah melengkapkan semua vaksinasi mengikut Program Immunisasi Kebangsaan.
6. Memberikan vaksin *Human Papilloma Virus* kepada penuntut perempuan di Tahun 7 dan 11 melalui Program Vaksinasi *Human Papilloma Virus*.

ISU KALI INI

Perkhidmatan Kesihatan Sekolah

Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kesihatan Negara Brunei Darussalam


Peranan Jururawat Kesihatan Sekolah

PELAN INDUK SISTEM DAN INFRASTRUKTUR KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

HEALTH SYSTEM	HEALTHCARE INFRASTRUCTURE
Strategy I Promote Service Excellence in Health Care Strategy II Support Health Management and Healthy Lifestyle Strategy III Ensure Sustainability of Health System while Maintaining Universal Access Strategy IV Enhance Policies, Regulations and Operations to Ensure Protection and Heightened Quality of Care Strategy V Support Proactive and Transparent Governance	Strategy I Strengthen mission and capacity and upgrade all the Government hospitals and health care facilities aligned with their revised core functions. Strategy II Strengthen the health centres network throughout the country through updating the strategic distribution and services model of the health centres

Government & Private Agencies:
 MoH, PMO, MoF, MoE, MoD, MoHA, MCYS, CSPS, UBD, JPMC.

Consultants:
 The Innova Group, Research Triangle Institute, Ecobumi Arkitek, Joint commission International, Sepakat Setia Perunding Sdn Bhd dan Jurujukur Bahan dan Pengurusan Utamacon



Based on World Health Organisation's health system framework, 6 health system components were developed:

1. Health System Governance
2. Health System Finance
3. Service Delivery
4. Human Resources for Health
5. Pharmaceuticals, Vaccines and Medical Technology
6. Health Information Technology and Research

As of 11/8/2015

Apakah maksud Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kesehatan Negara Brunei Darussalam?

Pelan Induk ini juga dikenali sebagai *Health System and Healthcare Infrastructure Master Plan (HSIMP)* yang mana ianya merupakan sebuah pelan komprehensif yang mengandungi perancangan, cadangan dan pelan tindakan pembaharuan dan penambahbaikan bagi sistem kesihatan serta infrastruktur kesihatan di seluruh Negara dalam jangka masa lebih 20 tahun yang berdasarkan kepada pelan strategik Kementerian Kesihatan yang sedia ada dan amalan-amalan terbaik serta Dasar Antarabangsa, seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Bila dan siapakah yang telah menghasilkan Pelan Induk ini?

Pelan Induk ini telah dihasilkan pada Oktober 2014 oleh pihak Konsultan dari Amerika Syarikat, *The Innova Group* dengan usahasama pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan pihak bukan Kerajaan.

Apakah tujuan Pelan Induk ini dihasilkan?

Untuk dijadikan sebagai peta jalan dan panduan ke arah mempertingkatkan, memperkukuhkan dan mengekalkan sistem penjagaan kesihatan dan pembangunan infrastruktur kesihatan yang terbaik sejajar dengan Misi dan Visi Kementerian Kesihatan, sejurus mendukung ke arah pencapaian Matlamat Wawasan Brunei 2035.

Siapakah yang terlibat dan bertanggungjawab dalam pemantauan serta pelaksanaan Pelan Induk ini?

Pada 20 April 2015, Unit Pengurusan Strategi Sistem dan Infrastruktur Kesihatan (*Health System and Infrastructure Strategy (HSIS) Management Unit*) telah tubuhkan dan diberi mandat untuk memantau pelaksanaan dan Perkembangan Pelan Induk tersebut. Manakala, pelaksanaan Pelan Induk tersebut adalah tanggungjawab semua Jabatan di bawah Kementerian Kesihatan termasuk Jabatan Perkhidmatan Kesihatan.



Apakah status perkembangan mengenai pelaksanaan Pelan Induk ini di Jabatan Perkhidmatan Kesihatan?

- 13 November 2014** Jabatan Perkhidmatan Kesihatan telah menubuhkan satu Jawatankuasa khususnya bagi pelaksanaan 9 inisiatif yang utama di bawah Pelan Induk tersebut.
- 5 Mei 2015** Majlis Pelancaran Jerayawara Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kesehatan Negara Brunei Darussalam telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan Bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof, Menteri Kesihatan.
- Jun 2015** Jerawayara bagi Jabatan Perkhidmatan Kesihatan di keempat-empat Daerah telah diadakan untuk memberigakan serta memberi kefahaman mengenai Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kesehatan Negara Brunei Darussalam dan bagi pelaksanaannya khususnya kepada warga Kementerian Kesihatan termasuk Jabatan Perkhidmatan Kesihatan